



PANDUAN  
PENILAIAN AKTIVITI  
KOKURIKULUM  
SEKOLAH MENENGAH

*BAHAGIAN SEKOLAH  
KEMENTERIAN PELAJARAN*

## **1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Kegiatan kokurikulum sekolah yang merangkumi aktiviti Pasukan Badan Beruniform, kelab dan persatuan serta sukan merupakan aktiviti luar bilik darjah. Kegiatan ini adalah sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kepentingan aktiviti ini juga setara dengan kepentingan aktiviti di dalam bilik darjah kerana peranannya sebagai penyumbang dan pelengkap kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.
- 1.2 Pada masa ini sekolah menawarkan pelbagai jenis kegiatan pasukan badan beruniform, kelab/persatuan dan sukan. Setiap pelajar diwajibkan menganggotai sekurang-kurangnya satu daripada setiap jenis aktiviti tersebut.
- 1.3 Berdasarkan kepada tinjauan ke sekolah-sekolah yang dilakukan oleh Bahagian Sekolah, pihak sekolah ada membuat penilaian terhadap kegiatan kokurikulum yang diceburi oleh murid-murid. Namun penilaian yang dibuat oleh setiap sekolah adalah berbeza-beza. Perbezaan ini wujud kerana penilaian yang dibuat adalah berdasarkan persepsi dan keperluan sesebuah sekolah.
- 1.4 Dalam mesyuarat Pengurusan Pendidikan Bil. 9. 1997, wakil Bahagian Pengajian Tinggi mencadangkan agar kegiatan kokurikulum di sekolah dinilai berdasarkan format atau kaedah yang tetap dan diiktiraf agar keesahan dan kesahihannya tidak dipertikaikan apabila markah kokurikulum dijadikan sebagai sebahagian dari markah penilaian kemasukkan murid ke institusi-institusi pengajian tinggi tempatan.

## **2. RASIONAL**

- 2.1 Penilaian kegiatan kokurikulum murid yang dibuat oleh sekolah adalah berbeza antara satu sama lain. Keadaan ini menjelaskan wujudnya unsur-unsur ketidak samarataan dalam pemberian markah kepada murid. Kemungkinan ada murid memperolehi markah yang berbeza walaupun pencapaian dalam kegiatan kokurikulum adalah sama. Melalui penggunaan borang penilaian yang *standard* unsur-unsur ketidakadilan dalam pemberian markah boleh dihindari.
- 2.3 Penilaian kegiatan kokurikulum boleh merangsang murid-murid untuk bergiat lebih aktif dalam kegiatan kokurikulum. Semua murid mempunyai peluang yang sama untuk memperolehi markah kerana penilaian yang dibuat adalah setara. Bagi murid yang bercita-cita melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi penglibatan yang cemerlang dalam aktiviti kokurikulum boleh dijadikan sandaran untuk mencapai cita-cita mereka.


## **3. OBJEKTIF**

- 3.1 Menyediakan satu kaedah penilaian aktiviti kokurikulum yang boleh diterima pakai oleh semua sekolah.
- 3.2 Membantu Jabatan Pengurusan IPT dalam membuat penilaian kemasukan pelajar-pelajar ke institusi-institusi pengajian tinggi.
- 3.3 Menggalak dan meningkatkan penglibatan yang menyeluruh di kalangan murid dalam aktiviti kokurikulum.

#### **4 GARIS PANDUAN SEMASA MELAKSANAKAN PENILAIAN KOKURIKULUM SEKOLAH**

- 4.1 Pengurusan sekolah hendaklah mempunyai pengurusan/kemudahan berikut :
  - 4.1.1 Perancangan yang jelas
  - 4.1.2 Tempat Penyimpanan Buku Rekod Kehadiran dan Penilaian.
  - 4.1.3 Buku Panduan Penilaian Kokurikulum.
  - 4.1.4 Rancangan mingguan & tahunan kokurikulum.
  - 4.1.5 Buku panduan pelaksanaan aktiviti yang dikeluarkan oleh KPM dan agensi luar.
- 4.2 Gambar murid dilekatkan pada Buku Rekod Kehadiran dan Buku Rekod Penilaian.
- 4.3 Semua murid mesti mempunyai Buku Rekod Kehadiran Kokurikulum dan Buku Rekod Penilaian Kokurikulum
- 4.4 Bekerjasama dengan setiausaha peperiksaan sekolah untuk merekod dan menyerahkan data pencapaian murid.
- 4.5 Mengadakan taklimat kepada setiausaha peperiksaan, guru penasihat/pemimpin dan guru kelas.
- 4.6 Mewujudkan Jawatankuasa Penilaian peringkat sekolah.
- 4.7 Memastikan semua murid mendapat peluang menyertai aktiviti Badan Beruniform, Persatuan-Kelab dan Sukan.
- 4.8 Melantik guru yang berkemahiran sebagai guru penasihat/pemimpin.
- 4.9 Memberi peluang kepada guru yang berkemampuan dalam sesuatu bidang menjadi guru penasihat dalam bidang tersebut.
- 4.10 Menyediakan prasarana dan sumber kewangan yang mencukupi.
- 4.11 PPD atau JPN melakukan pemantauan secara berkala.

## 5 CARTA ALIRAN PENGURUSAN PENILAIAN KOKURIKULUM SEKOLAH



## 6. PENILAIAN AKTIVITI KOKURIKULUM

### 6.1 Aspek-aspek yang dinilai:

6.1.1 Penilaian aktiviti kokurikulum seseorang murid dalam setiap jenis aktiviti yang disertai adalah berdasarkan kepada 4 aspek yang berikut:

- a. Kehadiran
- b. Jawatan disandang
- c. Penglibatan
- d. Pencapaian

6.1.2 Bagi keempat-empat aspek ini peratus markah yang diperuntukkan adalah seperti berikut:

**Jadual 1**

ASPEK PENILAIAN	% MARKAH
Kehadiran	50
Jawatan disandang	10
Penglibatan	20
Pencapaian	20
<b>JUMLAH</b>	<b>100</b>

6.1.3 **Markah Aspek Kehadiran** ialah markah yang tertinggi (50%). Ini bertujuan untuk menggalakkan murid hadir pada setiap aktiviti yang dijalankan. Jumlah kehadiran yang maksimum berasaskan kepada jumlah minggu persekolahan dalam setahun; dengan mengambil kira bahawa setiap jenis aktiviti kokurikulum dijalankan sekali seminggu dan dengan peruntukan masa 2 jam (mengikut kursus). Pengecualian kehadiran hanya dipertimbangkan jika murid sakit, menyertai kegiatan lain dengan kelulusan dan sebab-sebab lain yang munasabah. Ketidakhadiran ini perlulah dalam pengetahuan pihak sekolah.

Kehadiran minimum bagi kegiatan Pasukan Badan Beruniform ialah 18 kali perjumpaan setahun, kelab / persatuan 12 kali perjumpaan setahun dan sukan / permainan 12 kali perjumpaan setahun. Perkiraan markah kehadiran adalah seperti berikut:

Markah kehadiran

$$\begin{aligned} \text{Jika jumlah kehadiran pelajar} &= a \\ \text{Jumlah Perjumpaan setahun} &= b \\ \text{Ketidakhadiran diluluskan} &= c \\ \text{(cuti sakit, wakil sekolah dll)} & \end{aligned}$$

$$\text{Markah kehadiran} = \frac{a}{b - c} \times 50$$

- 6.1.4 **Markah Aspek Jawatan Disandang** ialah 10% dan diberikan kepada individu yang memegang sesuatu jawatan yang tertinggi dalam kegiatan kokurikulum. Sungguhpun begitu ahli-ahli biasa dan jawatan-jawatan yang lain juga diperuntukkan markah mengikut jenis jawatan yang disandang. Agihan markah bagi jawatan yang disandang adalah seperti berikut:

**Jadual 2**

Pasukan Badan Beruniform

JAWATAN	MARKAH
Pengakap Raja/ Pandu Puteri Raja / Pegawai Waran 1/ Sub-Inspektor/Drum Major/ Pangkat-Pangkat lain yang difikirkan sama taraf.	10
Pegawai Waran II /Bintara Kanan/ Staf Sarjan / Sarjan Mejar / Ketua Trup / Anugerah Ketua Pesuruhjaya / Pangkat-Pangkat lain yang difikirkan sama taraf.	8
Sarjan/Penolong Trup / Bintara Muda / Ketua Platun / Pangkat-Pangkat yang difikirkan sama taraf.	7
Koperal / Lans Koperal / Ketua Patrol / Penolong Ketua Patrol / AJK / Laskar Kanan/Jawatan-Jawatan / Pangkat-Pangkat yang difikirkan sama taraf.	5
Pra-Persetiaan / Ahli Aktif	3
Ahli Biasa	1

**Jadual 3**

Persatuan /Kelab / Sukan / Permainan

JAWATAN	MARKAH
Pengerusi / Presiden / Kapten Pasukan / Ketua Pasukan Sukan/Permainan / Ketua Rumah	10
Timbalan Pengerusi / Naib Pengerusi	8
Setiausaha / Bendahari	7
Penolong Setiausaha / Penolong Bendahari	6
Ahli Jawatankuasa	5
Ahli Aktif	3
Ahli Biasa	1

- 6.1.5 **Markah Aspek Penglibatan** ialah 20%. Markah ini diberikan kepada semua ahli berdasarkan sumbangan dan komitmen mereka di dalam semua aktiviti yang dijalankan dan tahap penglibatan yang disertai.

Markah penglibatan bagi individu dan pasukan atau kumpulan adalah sama. Pemberian markah-markah adalah seperti berikut:

**Jadual 4**

PERINGKAT PENGLIBATAN	MARKAH
Sekolah	8
Zon/Daerah/Bahagian	11
Negeri	14
Kebangsaan	17
Antarabangsa	20

- 6.16 **Markah Aspek Pencapaian ialah 20%.** Markah ini merupakan pencapaian pelajar dalam pertandingan diperingkat Sekolah, Zon / Daerah / Bahagian / Negeri / Kebangsaan dan Antarabangsa. Pencapaian yang di nilai hanyalah kepada kedudukan Johan, Naib Johan dan Ketiga. Dalam aspek pencapaian markah bagi pencapaian individu atau pasukan adalah sama. Markah-markah pencapaian yang ditetapkan adalah seperti berikut:

**Jadual 5**

PERINGKAT PERTANDINGAN	MARKAH		
	JOHAN	NAIB JOHAN	KETIGA
Sekolah	8	7	6
Zon/Daerah/Bahagian	11	10	9
Negeri	14	13	12
Kebangsaan	17	16	15
Antarabangsa	20	19	18

- 6.1.7 Setiap pemberian markah dalam aspek-aspek yang dinilai adalah berdasarkan markah tertinggi yang layak diperolehi oleh seorang murid. Umpamanya jika seorang pelajar pernah mewakili daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa, markah aspek pencapaian yang diambil kira hanyalah pencapaian di peringkat antarabangsa (20 markah)

## 7. KEGIATAN KOKURIKULUM YANG DINILAI

- 7.1 Setiap murid sekolah menengah diwajibkan menganggotai pasukan pakaian seragam, persatuan/kelab dan sukan. Dalam hal ini setiap murid memilih salah satu aktiviti yang terdapat dalam setiap bidang kegiatan kokurikulum tersebut. Ini bermakna penilaian kegiatan adalah berdasarkan:

- Aktiviti Pasukan Badan Beruniform seperti Kadet Remaja Sekolah, Pandu Puteri, Pengakap, Seni Bela Diri dan sebagainya.
- Aktiviti Kelab / Persatuan / Badan seperti Persatuan Bahasa Melayu, Kelab Pencinta Alam, Kelab Seni Foto dan sebagainya.
- Aktiviti Sukan / Permainan seperti Kelab Olahraga, Kelab Renang, Kelab Memanah dan sebagainya.

- 7.2 Setiap jenis aktiviti yang dianggotai oleh murid akan dinilai berdasarkan aspek-aspek yang telah dinyatakan dalam 6.1.1 dan agihan markah setiap jenis aktiviti adalah sama seperti yang dinyatakan dalam 6.1.2. Sebagai contoh berikut adalah markah kegiatan kokurikulum yang diperolehi oleh Pelajar X:

### Contoh:

- Kegiatan Pasukan Badan Beruniform*

	<b>Aspek Penilaian</b>	<b>Prestasi</b>	<b>Markah</b>
a)	Kehadiran	Penuh (18/18)	50
b)	Jawatan disandang	Ahli Aktif	3
c)	Penglibatan	Menghadiri Jambori Pengakap peringkat Negeri	14
d)	Pencapaian	Ketiga Kawad Kaki Peringkat Negeri	12
		<b>JUMLAH</b>	<b>79</b>

ii. *Kegiatan Kelab/Persatuan*

	<b>Aspek Penilaian</b>	<b>Prestasi</b>	<b>Markah</b>
a)	Kehadiran	10/12	42
b)	Jawatan	AJK Persatuan Sejarah	5
c)	Penglibatan	Menyertai Seminar Penulisan Sajak Peringkat Negeri	14
d)	Pencapaian	Naib Johan Pertandingan Bahas Ala Parlimen Antara Kelas	7
		<b>JUMLAH</b>	<b>68</b>

iii. *Kegiatan Sukan/Permainan*

	<b>Aspek Penilaian</b>	<b>Prestasi</b>	<b>Markah</b>
a)	Kehadiran	Penuh (12/12)	50
b)	Jawatan	AJK Kelab Bola Sepak B18	5
c)	Penglibatan	Mewakili Negeri dalam Pertandingan Balapan MSSM	14
d)	Pencapaian	Naib Johan Timang Bola Piala Nike Peringkat Kebangsaan	16
		<b>JUMLAH</b>	<b>85</b>

7.3 Gred Penilaian Kegiatan Kokurikulum

7.3.1 Gred penilaian setiap markah yang diperolehi adalah seperti berikut:

**Jadual 6**

<b>GRED</b>	<b>MARKAH</b>
<b>A</b>	<b>Antara 80 hingga 100</b>
<b>B</b>	<b>Antara 60 hingga 79</b>
<b>C</b>	<b>Antara 40 hingga 59</b>
<b>D</b>	<b>Antara 20 hingga 39</b>
<b>E</b>	<b>19 ke bawah</b>

7.3.2 Mengambil contoh markah kegiatan kokurikulum yang diperolehi Pelajar X, gred yang diperolehi bagi setiap kegiatan kokurikulum adalah seperti berikut:

**Jadual 7**

<b>Kegiatan</b>	<b>Markah Yang Diperolehi</b>	<b>Gred</b>
Pasukan Unit Beruniform	79	B
Persatuan/Kelab	68	B
Sukan/Permainan	85	A

**8. MARKAH BONUS**

8.1 Markah Bonus diberi berdasarkan sesuatu jawatan kepimpinan yang disandang oleh murid dan jawatan tersebut bertujuan membantu pengurusan dan pentadbiran sekolah. Perjawatan tersebut merangkumi:

- a) Perjawatan Peringkat Sekolah seperti pengawas, pengawas perpustakaan, Imam dan sebagainya.



- b) Perjawatan Peringkat Rumah seperti Ketua rumah, Ketua bilik/asrama dan sebagainya.
- c) Perjawatan Peringkatan Kelas seperti Ketua Kelas/darjah dan sebagainya.

8.2 Bagi setiap jawatan tersebut markah bonus diberikan sebagai pengiktirafan kepada murid di atas sumbangan perkhidmatan setiap tahun. Markah bonus yang ditetapkan adalah seperti berikut:

**Jadual 8**

<b>Bil</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Markah Bonus</b>
1.	Ketua Murid I/Ketua Murid II	10
2.	Timbalan/Penolong Ketua Murid	8
3.	Ketua / Pengerusi badan-badan perkhidmatan atau pengurusan utama yang ditubuhkan untuk membantu sekolah – Ketua Asrama / Ketua PRS / Quartermasters	7
4.	Penolong Ketua Asrama / Penolong Quartermasters	6
5.	AJK Utama badan-badan perkhidmatan atau pengurusan ( Bendahari / Setiausaha / Ketua Biro) - Asrama / PRS / Penerima sijil dan lencana SLAD / PROSTAR / Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Sekolah	5
6.	Ahli-ahli J/Kuasa perkhidmatan dan sokongan - AJK Kecil Biro / Ketua Bilik / Ketua Dorm / Ketua Darjah / Ketua Tingkatan / Penerima sijil SLAD / PROSTAR	3
7.	Penolong Ketua Kelas / Penolong Ketua Bilik / Ahli Quartermasters	2

8.4 Anugerah Khas

Anugerah khas diberi sebagai pengiktirafan kepada murid/ pelajar di atas pencapaian cemerlang dalam bidang kokurikulum dan kemasyarakatan yang di ushakan sendiri. Markah anugerah khas ini ditetapkan seperti berikut:

**Jadual 9**

<b>Bil</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Markah Bonus</b>
1	Anugerah Remaja Perdana (ARP)	
	Emas	10
	Perak	7
	Gangsa	5
2	Pingat Hang Tuah Kebangsaan / Tunas Jaya Kebangsaan	10
3	Pencapaian aktiviti kokurikulum di luar negara atas pembiayaan sendiri	
	Johan	5
	Naib Johan	3
	Ketiga	2
4	NILAM	5
5	Lain-lain anugerah yang setara	5

8.5 Setiap murid hanya layak menerima markah bonus untuk jawatan yang paling tertinggi yang disandang pada setiap tahun.

8.6 Sekiranya jawatan yang disandang dilucutkan atas sebab-sebab tindakan tatatertib atau kes disiplin, maka markah bonus ini tidak layak dimasukkan kira.

## 9. GRED KESELURUHAN

- 9.1 Gred keseluruhan bermaksud gred yang diperolehi oleh seorang murid dalam dua dari tiga jenis kegiatan kokurikulum yang dianggotai beserta markah bonus. Dua bidang kegiatan dipilih bergantung kepada prestasi markah yang diperolehi, iaitu dua bidang yang menunjukkan prestasi tertinggi.
- 9.2 Gred keseluruhan boleh diperolehi dengan mencampurkan jumlah markah kedua-dua kegiatan kokurikulum yang diperolehi dan mendapatkan purata bagi kedua-dua markah tersebut. Kemudian nilai tersebut dicampurkan dengan markah bonus yang diperolehi. Hasil tambah tersebut dipadankan dengan nilai gred sebagaimana yang terdapat pada 7.3.1.
- 9.3 Mengambil contoh markah kegiatan kokurikulum yang diperolehi Murid X perkiraan gred keseluruhan adalah seperti berikut:

Jumlah Markah Pasukan Badan Beruniform	=	79
Jumlah Markah Persatuan/Kelab	=	68
Jumlah Markah Sukan	=	85
Markah purata ialah	=	$(79+85) / 2$
	=	82
Markah bonus	=	10 (sebagai Ketua Murid)
Markah keseluruhan	=	$82 + 10$
	=	92
Gred Keseluruhan	=	A

## 10. PELAKSANAAN

- 10.1 Semua sekolah menengah di setiap negeri diminta menggunakan format dan borang yang sama dalam membuat penilaian aktiviti kokurikulum pelajar (Lihat Lampiran 1,2 dan 3).
- 10.2 Penilaian hendaklah dibuat pada setiap hujung tahun atau selewat-lewatnya awal bulan Januari tahun yang berikutnya. Tempoh ini diperlukan kerana masih ada kegiatan kokurikulum peringkat kebangsaan yang dijalankan pada bulan Disember.
- 10.3 Oleh sebab penilaian kokurikulum dibuat sepanjang tempoh murid berada di Tingkatan 1 hingga 6, pihak sekolah perlu menyediakan Buku Kemajuan Kokurikulum yang telah diseragamkan oleh KPM. Langkah ini memudahkan penyimpanan rekod-rekod kemajuan dan pemindahan rekod sekiranya murid berpindah ke sekolah lain dan kemasukan ke Matrikulasi / IPT.
- 10.4 Pihak sekolah hendaklah membentuk jawatankuasa penilai yang terdiri daripada guru – guru dan dipengerusikan oleh Pengetua / Guru Besar
- 10.5 Setiap borang penilaian perlu disemak oleh guru pemimpin sebelum disahkan oleh Pengetua dan Penolong Kanan Kokurikulum
- 10.6 Penilaian kokurikulum murid dilakukan pada setiap tahun sepanjang persekolahannya . Keputusan penilaian akan dipersembahkan dalam bentuk prestasi tahun semasa (GPA) dan himpunan prestasi sepanjang tempoh persekolahan (CGPA). Contohnya prestasi GPA dan CGPA Murid X dalam bidang kokurikulum dalam tempoh persekolahan sehingga Tingkatan 5:

**Jadual 10**

Tingkatan	Markah Kokurikulum	GPA	CGPA
I	69	69	69.0
II	82	82	75.5
III	83	83	78.0
IV	89	89	80.8
V	80	80	80.6

Contoh pengiraan CGPA

$$\begin{aligned} \text{Tingkatan II} &= (69+82)/2 \\ &= 75.5 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Tingkatan IV} &= (69+82+83+89)/4 \\ &= 80.8 \end{aligned}$$

- 10.7 Untuk mendapatkan markah 10%, markah akhir hendaklah dibahagikan dengan 100 dan didarabkan dengan 10. Contohnya

$$\text{Tingkatan V} = \frac{80.6}{100} \times 10$$

10.8 = 8.06

Bagi murid Tahun 6 , penilaian kokurikulum berdasarkan pencapaian terbaik dari Tahun 4 hingga 6 diambil kira bagi kelayakan kemasukan ke Sekolah Berasrama Penuh / MRSM.

- 10.9 Kes-Kes Terpencil

Penilaian kokurikulum bagi :

- murid-murid Pendidikan Khas
- murid-murid kurang upaya
- pesakit kronik / luar biasa
- sekolah di kawasan pedalaman
- sekolah kurang murid (SKM)

- 10.10 Kes-Kes Khas

Murid-murid yang terlibat dalam aktiviti sukan berprestasi tinggi hendaklah dinilai mengikut kriteria seperti murid biasa

## 11. PENILAIAN KEGIATAN KOKURIKULUM BAGI PELAJAR-PELAJAR TINGKATAN 6

Murid-murid yang telah menamatkan Tingkatan 6 dan mengikuti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), mereka yang terlibat boleh memilih markah prestasi PLKN untuk turut dipertimbangkan dalam pengiraan markah. Dalam kes ini, murid mempunyai empat pilihan dari tiga yang perlu dipilih untuk menentukan markah kokurikulumnya. Jika prestasi murid didapati tinggi dalam kegiatan PLKN, maka markah terendah dalam bidang lain akan digugurkan. Markah Kokurikulum yang diperolehi calon ialah 60 markah @  $60/100 \times 10 = 6$  (pengekalan cadangan sebelumnya yang dicadangkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

**REKOD KEHADIRAN KOKURIKULUM**

Lampiran 1  
BORANG A

Tingkatan: \_\_\_\_\_

Tahun : \_\_\_\_\_

Minggu	Unit Beruniform	T. Tangan Guru Pemimpin	Kelab/ Persatuan	T. Tangan Guru Pemimpin	Sukan / Permainan	T. Tangan Guru Pemimpin
	Aktiviti		Aktiviti		Aktiviti	
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						
6.						
7.						
8.						
9.						
10.						
11.						
12.						
13.						
14.						
15.						
16.						
17.						
18.						
19.						
20.						
21.						
22.						
23.						
24.						
25.						
26.						
27.						
28.						
29.						
30.						
31.						
32.						
33.						
34.						
35.						
36.						
37.						
38.						
39.						
40.						

Jawatan: \_\_\_\_\_

Nama Guru Pemimpin

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_

Jawatan: \_\_\_\_\_

Nama Guru Pemimpin

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_

Jawatan: \_\_\_\_\_

Nama Guru Pemimpin

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_

**BORANG RUMUSAN AKTIVITI KOKURIKULUM:**

Lampiran 2  
BORANG B

SEKOLAH .....

**BORANG PENILAIAN KEGIATAN KOKURIKULUM**

**TAHUN .....**

1. Nama Murid: ..... 3. Jenis Kegiatan: .....

2. Tingkatan: ..... 4. Jenis Aktiviti: .....

<b>ASPEK PENILAIAN</b>	<b>PRESTASI</b>	<b>AGIHAN MARKAH</b>	<b>MARKAH</b>
KEHADIRAN		50	
JAWATAN YANG DISANDANG		10	
PENGLIBATAN		20	
PENCAPAIAN		20	
	<b>JUMLAH MARKAH</b>	100	
	<b>GRED</b>		

Tanda Tangan: .....

Guru Pemimpin: .....

Cop Sekolah: .....



**BORANG RUMUSAN AKTIVITI KOKURIKULUM:**

Lampiran 3  
BORANG C

SEKOLAH .....

**BORANG PENILAIAN KEGIATAN KOKURIKULUM**

TAHUN .....

Nama Murid: .....

No. K.P: .....

Tingkatan: .....

Jantina : .....

<i>Aspek Yang Dinilai</i>	<i>Agihan Markah</i>	<i>I</i>	<i>II</i>	<i>III</i>	<i>IV</i>
		<i>Badan Beruniform</i>	<i>Kelab / Persatuan</i>	<i>Sukan / Permainan</i>	<i>Prog. Khidmat Negara</i>
KEHADIRAN	50				
JAWATAN YANG DISANDANG	10				
PENGLIBATAN	20				
PENCAPAIAN	20				
<b>JUMLAH MARKAH</b>	100				60
<b>GREED</b>					

Jawatan bidang-bidang lain : \_\_\_\_\_

Markah Bonus :

GPA :

Gred Keseluruhan :

CGPA :

Ulasan: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Disahkan Oleh

\_\_\_\_\_  
Tanda Tangan P.K Kokurikulum

\_\_\_\_\_  
Tanda Tangan dan cop Pengetua

Tanda Tangan Ibumapa/Penjaga: \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_